

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT PERTAMA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI KHAMIS, 26 OGOS 2021

1. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR (PASIR PANJANG)

Kerajaan Negeri Perak mensasarkan untuk beralih ke fasa ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan memanfaatkan sepenuhnya bekalan baru vaksin sebanyak 688,000 yang bakal diterima.

- a) Bagaimana strategi kerajaan negeri bagi mempercepatkan proses vaksinasi secara menyeluruh kepada kawasan yang berkepadatan tinggi dan di kawasan pedalaman?
- b) Berapakah statistik terkini mengikut daerah mengenai peratus pendaftaran penduduk yang layak divaksin dan peratus penduduk yang telah lengkap 2 dos suntikan?
- c) Bagaimana kerajaan negeri boleh menambahbaik kualiti penyampaian perkhidmatan vaksinasi di setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV)?

2. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

Apakah status terkini pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) yang melibatkan jajaran dalam Kawasan DUN Trong?

- a) Mengapa kelewatan berlaku?
- b) Adakah kerajaan negeri telah membuat perancangan pembangunan pekan-pekan kecil didalam jajaran WCE di negeri Perak untuk memacu ekonomi kawasan setempat?

3. YB PUAN NG SHY CHING (TEJA)

Pengurusan kampung tradisional dan kampung baru

- a) Sila nyatakan status perantikan ketua kampung bagi kesemua kampung tradisional dan kampung baru di Negeri Perak.
- b) Sila nyatakan sebab sesetengah kampung masih berada di bawah urus tadbir Jawatankuasa Sementara Pengurusan Kampung(JSPK) sehingga hari ini.
- c) Sila senaraikan semua peruntukan yang diberikan kepada ketua kampung dan JPSK oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri

4. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERANG)

Rancangan dan usaha-usaha untuk mewujudkan Rubber Glove City di Bidor di atas tanah seluas 333 hektar oleh salah satu pemain industry terbesar dunia Kossan Rubber Industries Bhd. telah bermula pada tahun 2018 dengan nilai pelaburan RM1.5 bilion.

- a) Mohon nyatakan status pembangunan projek Rubber Glove City tersebut dan dijangka beroperasi:
- b) Berapakah peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan dan adakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan supaya peluang yang wujud diberikan keutamaan kepada penduduk tempatan: dan
- c) Nyatakan projek-projek pelaburan berimpak tinggi yang telah diluluskan dan di dalam perancangan untuk dilaksanakan di Batang Padang

5. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU (PASIR BEDAMAR)

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan untuk;

- a) Memperkasakan dan memberi kelulusan secara sah kepada

pengusaha penternakan ikan dalam sangkar di Perak?

- b) Dimanakah kawasan penternakan ikan dalam sangkar yang dibenarkan di Perak?
- c) Apakah status penternakan ikan dalam sangkar di kawasan Teluk Intan?

6. YB DR. JURIJ BIN JALALUDIN (LUBOK MERBAU)

Nyatakan bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Perak terhadap pertubuhan sukan yang berada dalam Negeri Perak.

- a) Berapa pertubuhan belia dan sukan yang bergerak aktif di dalam Negeri Perak khususnya di dalam Daerah Kuala Kangsar?
- b) Bagaimana pergerakan pertubuhan-pertubuhan belia dan sukan ini sepanjang tempoh PKP yang dilaksanakan?
- c) Nyatakan pertubuhan Belia dan Sukan terbaik yang mengharumkan nama Negeri Perak

7. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Ekonomi Rakyat.

Adakah pihak kerajaan melalui PBT akan terus memberi kebenaran kepada penjaja kecil makanan yang telah beroperasi sepanjang tempoh PKP sebagai langkah membantu pemulihan ekonomi rakyat.?

8. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BLANJA)

Program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS)

Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan di negeri Perak

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri Perak serta jumlah pelajar yang terlibat dalam Program

Tuisyen Cikgu Saarani?

- b) Nyatakan Intipati-Intipati yang terdapat dalam Program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) untuk membantu melonjakkan kecemerlangan pendidikan di negeri Perak?

9. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang pencemaran udara di DUN Bercham.

- i) Sila jelaskan mengapa tiada tindakan penguatkuasa atas cerobong-cerobong kilang sarung tangan Rubberax (M) Sdn. Bhd yang sering mengeluarkan asap hitam, berdebu dan berbau busuk pada waktu larut malam?
- ii) Adakah tindakan penguatkuasa dijalankan pada waktu lepas kerja termasuk larut malam atau senja?
- iii) Apakah keadah-keadah dan jenis maklumat diperlukan bagi penduduk-penduduk, untuk membuat laporan aduan berkenaan masalah jenis pembebasan asap hitam, berbau, berdebu daripada kilang, kedai dan pembakaran sampah serta barangan kitar semula?

10. YB DR. KO CHUNG SEN (KEPAYANG)

Tajuk: Program Kad Perak Prihatin

- a) Berapakah jumlah orang penerima Kad Perak Prihatin terkini?
- b) Adakah kerajaan negeri merancang untuk menambah jumlah penerima dalam program tersebut bagi meringgankan beban rakyat pada masa yang akan datang?
- c) Adakah penduduk-penduduk di kawasan ADUN pembangkang termasuk dalam rancangan program tersebut?

**11. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI
(*HUTAN MELINTANG*)**

PROGRAM SETINGGAN SIFAR

- a) Adakah Program Setinggalan Sifar ini masih diteruskan ?
- b) Apakah jalan penyelesaian yang Kerajaan Negeri Perak usahakan bagi memastikan kejayaan Program Setinggalan Sifar ini.
- c) Berapakah jumlah Ketua Isi Rumah penduduk yang dikategorikan sebagai setinggalan di Kawasan DUN Hutan Melintang?

12. YDH TOH SYAHBANDAR ULU YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS (*KENERING*)

Saya difahamkan projek jalan ke perkampungan Orang Asli (RPS Dala) telah diluluskan pembinaan dan penurapan jalan baru sejauh 17 km dengan anggaran kos RM 21 juta.

- a) Bilakah kerja-kerja pembinaan akan di jalankan dan jangkaan tarikh siap bina?

13. YB ENCIK LOH SZE YEE (*JALONG*)

Apakah perkembangan Projek Perumahan Batu 1 Jalan Lintang yang dirancang untuk pemindahan penduduk setinggalan di kawasan DUN Jalong dan penempatan bermasalah seperti Dovenby dan Ladang Haewood?

14. YB ENCIK YONG CHOO KIONG (*TRONOH*)

Di Tronoh terutamanya di kawasan Bemban dan Pusing, masalah haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau yang dibiarkan berkeliaran didalam kawasan taman dan kampung semakin banyak dan telah berlarutan selama bertahun tahun. Soalan saya :-

- a) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini dan;
- b) Apakah pendekatan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini selama-lamanya?
- c) Sila nyatakan maklumat terkini penternak yang terlibat yang berdaftar dan bilangan lembu/kerbau yang didaftarkan di kawasan tersebut?

15. YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)

Soalan mengenai wabak COVID-19

- a) Sila senaraikan jumlah kematian dan nisbah kaum akibat COVID-19 di Negeri Perak pada 2020 dan 2021.
- b) Sila senaraikan jumlah kematian dan nisbah kaum akibat COVID-19 di DUN Pokok Assam ,DUN Aulong dan DUN Kamunting pada 2020 dan 2021.
- c) Berapakah jumlah orang yang membunuh diri kerana kesan wabak COVID-19 di negeri Perak?

16. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Inisiatif Harapan Kasih Food Bank telah distruktur semula dan didaftarkan sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan NGO pada 2 Jun 2020, di bawah nama Pertubuhan 'Perak Food Bank' Kinta Perak.

- a) Jelaskan sistem 'check and balance' yang diamalkan antara Kerajaan dan Perak Food Bank sedangkan inisiatif kerajaan ini telah distruktur sebagai NGO.
- b) Memandangkan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) telah ditubuhkan, adakah Kerajaan Perak akan menstruktur semula Perak Food Bank sebagai unit tindak di bawah SPW?

- c) Di manakah Perak Food Bank ini dijalankan selain lokasi Tambun, Pasir Pinji, Manjoi dan Teja yang telah ditentukan semasa 'pilot project

**17. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN
(*SUNGGAI RAPAT*)**

Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan beban kemiskinan rakyat dan apakah kerajaan negeri akan mewujudkan satu peruntukan baharu bagi membela nasib rakyat yang kehilangan kerja dan punca pendapatan ketika COVID-19?

18. YB. DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR (*CHENDEROH*)

Cadangan menaiktaraf Stesen Penguatkuasa JPJ Kuala Kangsar telah beberapa kali dibangkitkan dalam sidang DUN ini.

Sejauh manakah perancangan pelaksanaan usaha-usaha menaiktaraf Stesen Penguatkuasa JPJ Kuala Kangsar ini dijalankan?

19. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM (*SUNGKAI*)

Soalan untuk dijawab oleh Exco Sumber Manusia.

Kadar Pengangguran, Henti Kerja dan "Underemployment" di Negeri Perak ekoran Pandemik Covid-19.

Sejak Pendemic Covid-19 bermula, ramai pekerja-pekerja telah kehilangan kerja.

- a) Senaraikan syarikat-syarikat yang telah gulung tikar akibat Pandemik Covid-19?
- b) Berapakah jumlah pekerja yang dihentikan kerja?
- c) Sila nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri, untuk mengatasi keadaan ini?

20. YB IR. DR. MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)

Semasa pandemic covid 19 ini berapakah jumlah kejadian bunuh diri di Negeri Perak dan berapa peratuskah di kalangan mereka dari golongan orang yang beragama Islam?

- a) Adakah kerajaan telah membuat kajiselidik tentang isu bunuh diri ini dari sudut jatidiri menghadapi keadaan yang menekan seperti ini?
- b) Apakah strategi jangkamasa panjang dan iniatif khusus bagi Jabatan Agama Islam Perak dalam menangani isu ini?

21. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI (MANONG)

Baru-baru ini, banyak kisah yang tidak sahih ditularkan dalam media sosial seperti yang berlaku di Kuala Kangsar, Bota serta Selama. Agenda tular ini biasanya dilakukan oleh beberapa pihak atas tujuan peribadi seperti menjana keuntungan, menjatuhkan pihak tertentu serta pelbagai lagi. Isu yang ditularkan biasanya tidak tepat dan biasanya akan berakhir begitu sahaja. Perbuatan ini bukan sahaja boleh menjatuhkan imej para pemimpin setempat malah kepada jabatan-jabatan kerajaan serta masjid.

- a) Bagaimanakah kerajaan melihat dan menangani isu ini?
- b) Sekiranya dapat dikenalpasti pesalah laku ini, apakah hukuman yang dikenakan?
- c) Bolehkah diadakan satu kempen besar besaran dalam menangani salah laku ini?

22. YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW (PASIR PINJI)

Semenjak tempoh PKPD Ipoh dan beberapa daerah di Negeri Perak diumumkan, pengamal perubatan tradisional dan komplimentari (PT&K) khususnya pengamal akupunktur telah pun dihalang memberi rawatan kepada pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan penyakit lain. Pengoperasian para pengamal ini dapat meringankan

beban kerja frontliners yang bertungkus lumus dalam perang melawan pandemik melalui sistem kesihatan arus perdana. Memandangkan PT&K telah pun diiktiraf sekian lama dalam dasar kesihatan dan perubahan negara, apakah langkah telah diambil oleh kerajaan negeri dalam mengembalikan hak pesakit memilih rawatan PT&K serta mengembalikan kebenaran beroperasi kepada para pengamal PT&K?

23. YB ENCIK CHONG ZHEMIN (KERANJI)

Bukit Kampar

- a) Apakah keputusan terhadap permohonan pemilik tanah di Bukit Kampar untuk menukar penggunaan tanah dari perhutanan kepada komersial untuk tujuan pembinaan kubur?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Perak berhasrat untuk mengambil alih kembali tanah di Bukit Kampar dari pihak swasta termasuk kawasan 'green ridge' dan kawasan yang hendak dibina perkuburan untuk tujuan pemeliharaan sejarah dan sebagai hutan simpanan?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membina tapak pelancongan bersejarah di 'green ridge', tapak di mana satu-satunya tentera Jepun kalah di Malaya semasa Perang Dunia kedua?

24. YB DATO' ASMUNI BIN AWI (MANJOI)

Pandemik Covid-19 telah dan sedang memberi kesan yang mendalam kepada semua golongan penduduk di negeri Perak.

- a) Berapakah jumlah kompaun dan berapa ramai kah peniaga-peniaga di sektor perkilangan, pemilik premis makanan dan peniaga-peniaga kecil yang telah dikompaun kerana melanggar SOP Perintah Kawalan Pergerakan bermula bulan Mac 2020 sehingga kini?
- b) Dari kenyataan media Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) pada 1 Jun 2021 sejak pandemik Covid-19, berlaku peningkatan jumlah kes bunuh diri dari tahun 2019 hingga 2021, didapati kes-kes

bunuh diri seperti berikut;

TAHUN JUMLAH KES

2019 609

2020 631

2021 468 (Sehingga bulan Mei)

Daripada jumlah yang dilaporkan di atas berapakah kes bunuh diri yang berlaku di negeri Perak mengikut pecahan kaum dan jantina dari tahun 2019 hingga tahun ini?

**25. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI
(*HUTAN MELINTANG*)**

Program Rumah Perak Ku 2021: Rumah Mampu Milik Perak (diurus dan diselaraskan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak)

- a) Apakah status dan progres Program Rumah Perak Ku 2021 ?
- b) Adakah perancangan pihak Kerajaan Negeri Perak di bawah Program Rumah Perak Ku 2021 melibatkan pembinaan projek perumahan baru di kawasan DUN Hutan Melintang.
- c) Adakah harga rumah kediaman di bawah program ini berbeza-beza mengikut kawasan ataupun mengikut cadangan skim pembangunan projek pembinaan?

26. YB ENCIK TAN KAR HING (*SIMPANG PULAI*)

Pesakit Post Covid-19

- a) Apakah usaha kerajaan dalam membantu dan memantau pesakit sembuh Covid-19 (*post covid patients*), memandangkan mereka kemungkinan terputusnya sumber rezeki semasa menerima rawatan dan kuarantine, dan mengalami masalah kesihatan dalam suatu jangkamasa walaupun sembuh?

27. YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)

5G telah diperkenalkan di Malaysia pada Tahun 2019.

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemasangan 5G di Negeri Perak ?
- b) Sila nyatakan nama syarikat yang bertanggungjawab dalam pemasangan menara 5G di Negeri Perak.
- c) Bilakah projek pemasangan 5G dijangka akan selesai untuk meliputi semua kawasan Negeri Perak?

**28. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU
(PASIR BEDAMAR)**

Isu kuari batu kapur di Negeri Perak

- a) Apakah usaha / langkah kerajaan Negeri Perak dalam pemulihan kawasan gunung bagi jaminan keseimbangan ekosistem alam sekitar daripada aktiviti Batu Kapur?
- b) Apakah perancangan dan/atau solusi kepada penduduk sekitar kawasan kuari batu kapur yang mengalami pencemaran, bencana dan kerosakan bangunan akibat daripada aktiviti-aktiviti letupan kuari batu kapur?

**29. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM
(TITI SERONG)**

Pesawah padi di daerah Kerian mengalami kerugian teruk apabila kualiti hasil padi semakin merosot.

- a) Adakah bekalan benih padi berkualiti dan bermutu tinggi yang diedarkan buat para pesawah terutamanya di DUN Titi Serong mencukupi?
- b) Masalah padi angin semakin berleluasa di sini, apakah langkah yang diambil pihak kerajaan negeri dalam membantu pesawah untuk mengatasi masalah ini?

30. YB ENCIK NGA KOR MING (AULONG)

Minta YAB Menteri Besar nyatakan secara terperinci :

Wabak covid

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani krisis wabak covid?
- b) Senaraikan secara teliti berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk membantu rakyat demi mengatasi wabak covid?
- c) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memacu Perak memasuki fasa 4 mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Pelan Pemulihan Negara?

31. YB ENCIK SIVASUBRAMANIAM A/L ATHINARAYANAN (BUNTONG)

Kerja-kerja Penurapan Sepanjang Jalan Raja Perempuan Mazwin (Dari Lampu Isyarat Jalan Kledang Utara sehingga Jalan Masuk Desa Rishah Indah)

- a) Sila nyatakan jumlah kos keseluruhan bagi kerja-kerja penurapan semula jalan berkenaan?
- b) Sila nyatakan maklumat mengenai kontraktor yang ditawarkan kerja-kerja penurapan semula berkenaan?
- c) Sila nyatakan tarikh kerja-kerja penurapan ini disiapkan sepenuhnya?

32. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)

Pejabat Tanah

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”), ataupun Pelan Pemulihan Negara (“PPN”), masa pembukaan Pejabat-pejabat Tanah adalah sangat terhad.

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan urusan Pejabat-pejabat Tanah seluruh Negeri Perak dapat dijalankan secara lancar semasa tempoh PKP atau PPN?
- b) Adakah Pejabat-pejabat Tanah sudi mempertimbangkan untuk membuka kaunternya semula untuk urusan rasmi?

33. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)

Dalam usaha membantu meringankan beban rakyat menghadapi bencana alam seperti kebakaran, banjir kilat dan rumah di hempap pokok. Apakah bantuan segera yang disediakan oleh pihak tertentu dalam membantu meringankan beban mangsa

34. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan pemberian suntikan vaksin harian kepada rakyat melalui pelaksanaan 5 inisiatif Perak untuk mencapai imuniti kelompok.

- a) Adakah inisiatif Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) Pandu Lalu akan dilaksanakan di luar kawasan bandar bagi memudahkan pergerakan warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) selain mengurangkan kesesakan di PPV sedia ada.
- b) Sehingga kini berapakah kadar pemberian suntikan lengkap dua dos vaksin yang telah diberikan kepada penduduk di Negeri Perak mengikut kategori usia

35. YB DATO' HAJI AZNEL BIN HAJI IBRAHIM (PENGKALAN HULU)

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menghidupkan kembali sektor pelancongan yang terjejas teruk oleh Covid 19?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan di Negeri Perak serta bantuan kepada sektor pelancongan yang disebabkan oleh Perintah Kawalan

Pergerakan ini?

- c) Mohon jelaskan kaedah promosi serta perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan semula kalendar pelancongan Negeri khususnya di Pengkalan Hulu walaupun masih dalam cabaran pandemik Covid-19?

36. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI (BEHRANG)

PERSOALAN SEKURITI MAKANAN

- a) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri Perak untuk memastikan bahawa akibat dan kesan Covid 19, bekalan makanan yang suci dan bebas racun mencukupi di Negeri Perak.
- b) Apakah sikap dan pilihan Menteri Besar Perak terhadap opsyen-opsyen mengamalkan Pertanian secara konvensional; pertanian secara fertigasi; dan pertanian secara organik.
- c) Adakah Kerajaan Negeri Perak berhasrat untuk mengarah dan menggalak peladang dan petani dalam Negeri Perak menggantikan penggunaan baja sintetik kepada baja kompos

37. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (BLANJA)

Pendatang Asing

Kebanjiran Pendatang Asing di negeri Perak

- a) Nyatakan bilangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berjaya ditangkap dan telah dihantar pulang dari bulan Januari hingga Jun 2021 mengikut daerah?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membasmi kebanjiran pendatang asing tanpa dokumen yang sah di negeri Perak?

**38. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN
(*CHANGKAT JONG*)**

PROGRAM TUISYEN CIKGU SAARANI (TCS)

- a) Apakah bentuk bantuan program yang disediakan dan berapakah jumlah pelajar yang memperolehi manfaat serta berapakah kos yang terlibat?
- b) Adakah YAB Menteri Besar berhasrat merancakkan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) dengan menyediakan Program Tuisyen Atas Talian (E-Tuition Online) secara percuma kepada seluruh pelajar di Negeri Perak bagi mengurangkan bebanan kos kepada Ibu bapa? "

**39. YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR
(*KUALA SEPETANG*)**

Berapakah peruntukan bagi membina tong sampah tambahan di kawasan penempatan DUN Kuala Sapetang yang terus meningkat sejajar dengan kepesatan penduduk setempat

40. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (*SLIM*)

Pandemik Covid-19, nampaknya belum ada kesudahan dan pastinya memakan masa yang panjang untuk berhadapan dengan masalah ini. Apakah perancangan plan tindakan dalam menghadapi bencana covid-19 yang berlarutan?

41. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (*TEBING TINGGI*)

Kesihatan Rakyat.

Mohon maklumat mengenai perkara perkara berikut sepanjang pendemik Covid 19 di Negeri Perak;

- a) Bilangan kematian rakyat akibat Covid 19 dan juga kes bunuh diri.

- b) Bilangan pesakit mental dan pewart jiwa yang didaftar serta dirawat.
- c) Bilangan kes penderaan rumahtangga yang didaftar.

Adakah pihak hospital yang ada di Perak mempunyai sumber tenaga dan kepakaran bagi perkara berikut;

- i. Pakar psiktrik
- ii. Kaunselor terlatih dan bertauliah termasuk kaunselor JAIP
- iii. Pihak ketiga yang membantu (NGO dan Sukarelawan